



**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BILANGAN 5 TAHUN 2026**

**KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK BAGI PIHAK  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Semua Ketua Jabatan Negeri,  
**NEGERI PULAU PINANG**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pemberian kuasa oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menandatangani kontrak Kerajaan bagi pihak Kerajaan Negeri mengikut seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973).

**2. LATAR BELAKANG**

YAB Ketua Menteri Pulau Pinang melalui suratcara bertarikh 2 September 2026 telah memberi kuasa di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973) kepada pegawai-pegawai kerajaan yang disebutkan jawatannya untuk menandatangani semua jenis kontrak yang disediakan oleh jabatan masing-masing bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mengikut had harga kontrak yang ditetapkan seperti di dalam Jadual 1-Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak.

Jadual 1 - Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak

| BIL. | PEGAWAI YANG DIBERI KUASA                                   | NILAI KONTRAK<br>(TIDAK MELEBIHI)<br>(RM) |
|------|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|
| i.   | <b>YB Setiausaha Kerajaan Negeri</b>                        | 50,000,000.00                             |
| ii.  | <b>YB Pegawai Kewangan Negeri</b>                           | 20,000,000.00                             |
| iii. | <b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</b>                   |                                           |
|      | a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)         | 7,000,000.00                              |
|      | b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)        | 7,000,000.00                              |
|      | c. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia) | 500,000.00                                |
|      | d. Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri)  | 500,000.00                                |
|      | e. Setiausaha Bahagian (Bahagian Khidmat Pengurusan)        | 500,000.00                                |
| iv.  | <b>Jabatan Kewangan Negeri</b>                              |                                           |
|      | a. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri                         | 5,000,000.00                              |
|      | b. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)      | 500,000.00                                |
| v.   | <b>Jabatan Kerja Raya</b>                                   |                                           |
|      | a. Pengarah                                                 | 5,000,000.00                              |
|      | b. Jurutera Awam Penguasa (Jalan)                           | 3,000,000.00                              |
|      | c. Jurutera Awam Penguasa (Bangunan)                        | 3,000,000.00                              |
|      | d. Ketua Jurutera Mekanikal Negeri                          | 3,000,000.00                              |
|      | e. Ketua Jurutera Elektrik Negeri                           | 3,000,000.00                              |
|      | f. Jurutera Daerah                                          | 1,000,000.00                              |
| vi.  | <b>Jabatan Pengairan dan Saliran</b>                        |                                           |
|      | a. Pengarah                                                 | 5,000,000.00                              |
|      | b. Timbalan Pengarah                                        | 3,000,000.00                              |
|      | c. Jurutera Daerah                                          | 1,000,000.00                              |
| vii. | <b>Jabatan Pertanian Negeri</b>                             |                                           |
|      | a. Pengarah                                                 | 500,000.00                                |

| <b>BIL.</b> | <b>PEGAWAI YANG DIBERI KUASA</b>                                                             | <b>NILAI KONTRAK<br/>(TIDAK MELEBIHI)<br/>(RM)</b> |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|
| viii.       | <b>Pejabat Tanah dan Galian</b><br>a. Pengarah                                               | 500,000.00                                         |
| ix.         | <b>Pejabat Daerah dan Tanah</b><br>a. Pegawai Daerah                                         | 500,000.00                                         |
| x.          | <b>Jabatan Perkhidmatan Veterinar</b><br>a. Pengarah                                         | 500,000.00                                         |
| xi.         | <b>Jabatan Perhutanan Negeri</b><br>a. Pengarah                                              | 500,000.00                                         |
| xii.        | <b>Jabatan Perancang Bandar dan Desa</b><br>a. Pengarah                                      | 500,000.00                                         |
| xiii.       | <b>Jabatan Kebajikan Masyarakat</b><br>a. Pengarah                                           | 500,000.00                                         |
| xiv.        | <b>Jabatan Taman Botani</b><br>a. Pengarah                                                   | 500,000.00                                         |
| xv.         | <b>Jabatan Hal Ehwal Agama Islam</b><br>a. Pengarah                                          | 500,000.00                                         |
| xvi.        | <b>Jabatan Mufti Negeri</b><br>a. Mufti Kerajaan Negeri                                      | 500,000.00                                         |
| xvii.       | <b>Jabatan Kehakiman Syariah</b><br>a. Ketua Hakim Syarie                                    | 500,000.00                                         |
| xviii.      | <b>Jabatan Pendakwaan Syariah</b><br>a. Ketua Pendakwa Syarie                                | 500,000.00                                         |
| xix.        | <b>Pejabat Yang di-Pertua Negeri</b><br>a. Setiausaha Sulit kepada TYT Yang di-Pertua Negeri | 500,000.00                                         |

### **3. PELAKSANAAN**

- 3.1 Penyediaan semua jenis dokumen kontrak oleh jabatan-jabatan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 169G dan 169H. Pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak juga adalah bertanggungjawab memastikan tatacara pengurusan perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa adalah dipatuhi sepenuhnya sebelum ianya ditandatangani untuk melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.
- 3.2 Bagi kontrak yang nilai kontraknya melebihi had kuasa yang ditetapkan dalam Jadual 1, jabatan hendaklah mendapatkan semakan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri terlebih dahulu sebelum dokumen kontrak dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk tindakan mendapatkan tandatangan daripada pegawai yang mempunyai kuasa menandatangani kontrak berkenaan.

### **4. TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 2 September 2026 iaitu pada tarikh suratcara ini ditandatangani oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973).


## 5. PEMBATALAN

Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2020 dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI ZAIRI BIN HAJI MAT ALI)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang

Tarikh : 9 September 2026

s.k. : YAB Ketua Menteri Pulau Pinang

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang